



JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR

Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway,
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C,
Seksyen 9, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.



Tel : 03-51237333, 51237334, 51237335
Faks : 03-51237202 (Pengarah), 51237209
(Pengurusan), 03-51237299 (Perubatan),
51237389 (Pergigian), 51237399
(Kesihatan Awam), 03-55108977
(Farmasi), 55185195 (Keselamatan Dan
Kualiti Makanan)

Portal Rasmi : www.jknselangor.moh.gov.my

Ruj. Kami : JKNS(UK)470.11d 9 (18)
Tarikh : 16 Mac 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN,

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan

**PERINGATAN MENGENAI SISTEM RUJUKAN PESAKIT KE HOSPITAL &
RAWATAN KECEMASAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi makluman pihak Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan Mesyuarat Semakan Kematian (Dengue, Malaria dan Japanese Encephalitis) Sektor Penyakit Bawaan Vektor Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bil 3/2016, analisa menunjukkan hampir **4.5% kes kematian** melibatkan faktor kelewatan kes dirujuk oleh klinik perubatan swasta ke hospital kerana pesakit hanya diberikan surat rujukan dan pesakit perlu pergi sendiri ke hospital.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon agar pihak Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dapat memastikan perkara berikut dilakukan semasa merujuk pesakit yang memerlukan **RUJUKAN SEGERA** ke hospital:

- (a) Semua klinik perubatan swasta perlu menerangkan kepada pesakit tentang keperluan rujukan kes ke hospital dengan segera.
- (b) Bagi kes-kes yang memerlukan **RUJUKAN SEGERA** ke hospital, pihak klinik perlu menghubungi **talian 999** bagi mendapatkan perkhidmatan ambulan dengan segera agar pengurusan kes dapat diberikan secara berterusan dan optima bagi mengelakkan komplikasi.
- (c) Semua klinik perubatan swasta mestilah mematuhi ketetapan **Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta586)** dan Peraturan-peraturannya.
- (d) Peraturan 75 (7) menyebut; Sebelum memindahkan pesakit ke kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan yang lain, kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang menerima hendaklah diberitahu tentang pemindahan yang akan dilakukan.

..2/-

SIHAT SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA



(e) Peraturan 75(8) menyebut; Kelengkapan dan perkhidmatan hendaklah disediakan untuk melakukan tatacara resusitasi dan **sokongan hayat kecemasan** sementara menunggu pemindahan pesakit yang kritikal atau cedera parah ke kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan yang lain.

(f) Peraturan 10 menyebut; mana-mana orang yang melanggar subperaturan tersebut melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi **sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan** tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

4. Oleh hal yang demikian, semua pihak klinik perubatan swasta diminta untuk memberi perhatian terhadap semua kes yang memerlukan rujukan segera ke hospital agar diberikan rawatan resusitasi kecemasan sewajarnya dan merujuk dengan cara yang betul mengikut garis panduan semasa.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DR. FAIZAL BIN MAT ARIFIN, MPM : 40199)
Ketua Penolong Pengarah (UKAPS)
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor.
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

SENARAI EDARAN:

1. Semua Klinik Perubatan Swasta di Selangor